

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

1249/3

SEJARAH

Kertas 3

Nov./Dis.

3 jam

Tiga jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi satu Tugas Spesifik.*
2. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
3. *Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/bilik peperiksaan.*
5. *Calon **tidak dibenarkan sama sekali** membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.*
6. *Anda hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.*
7. *Anda dinasihati supaya membuat perancangan masa yang bersesuaian dengan peruntukan markah yang diberikan.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Tugasan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1249/3 © 2013 Hak Cipta Kerajaan Malaysia



TUGASAN SPESIFIK

Sejak mencapai kemerdekaan Malaysia telah menyertai dan bergerak aktif dalam pertubuhan serantau.

Bincangkan tentang penglibatan Malaysia dalam pertubuhan serantau.

Aspek	Perincian	Markah
Pengenalan	1. (a) Maksud pertubuhan serantau. (b) Pertubuhan serantau yang disertai oleh Malaysia.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Latar belakang penubuhan pertubuhan di 1(b).	10 markah
	3. Faedah yang Malaysia peroleh sebagai anggota dalam pertubuhan serantau.	15 markah
	4. Sumbangan Malaysia dalam pertubuhan serantau.	30 markah
	5. Kejayaan Malaysia dalam pertubuhan serantau yang telah menaikkan imej negara di mata dunia.	10 markah
	6. Kerjasama dalam pertubuhan serantau dapat mensejahterakan rakyat Malaysia. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.	10 markah
	7. Cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan kerjasama serantau dan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut.	10 markah
	8. Nilai-nilai murni dan iktibar daripada penyertaan Malaysia dalam pertubuhan serantau.	5 markah

Aspek	Perincian	Markah
Kesimpulan	9. Kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan. (a) Pengetahuan yang diperoleh. (b) Iktibar kepada diri, bangsa dan negara. (c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang.	5 markah

KERTAS SOALAN TAMAT